

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan-peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) membantu kecemerlangan sekolah dan faktor-faktor ibu bapa kurang melibatkan diri dalam PIBG . Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 di bawah Seksyen 130 (2) (i) memperuntukkan semua sekolah hendaklah menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Sehubungan itu, PIBG telah diwujudkan di tiap-tiap sekolah di Malaysia hasil pelaksanaan syor-syor Laporan Azizi yang diumumkan pada tahun 1971. PIBG yang dianggotai oleh guru-guru, ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak di sekolah berkenaan menjadi saluran terbaik untuk berbincang mengenai masalah pembelajaran anak-anak mereka. Ini bermakna ibu bapa dan guru boleh berinteraksi, berkongsi dan bertukar pendapat mereka. PIBG turut dijadikan sebagai medium untuk memberikan cadangan bagi meningkatkan prestasi akademik dan kokurikulum di sekolah. Melalui PIBG sekolah boleh menyalurkan pelbagai maklumat mengenai prestasi akademik seperti pelaksanaan pentafsiran berasaskan sekolah dan sebagainya.

PIBG juga boleh bertindak sebagai orang tengah antara guru dan ibu bapa bagi meleraikan salah faham yang timbul antara kedua-dua pihak. Hal ini kerana ada segelintir ibu bapa lebih mempercayai aduan anak-anak berbanding fakta sebenar sehingga guru sering kali disalahkan termasuklah soal prestasi akademik dan masalah disiplin. PIBG tidak seharusnya dijadikan sebagai platform politik untuk mengejar nama tetapi perkara yang harus diutamakan adalah untuk membantu sekolah melahirkan generasi murid yang berkualiti dalam pelbagai aspek. Jika mampu, PIBG boleh mengadakan jaringan pintar dengan institusi pendidikan terbaik dalam negara dan luar negara. Menerusi jaringan pintar ini, murid-murid dapat memperkaya pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan dan kerjaya.

Keupayaan PIBG menjadikan sekolah sebagai sekolah angkat kepada badan-badan korporat akan memberi kelebihan kepada sekolah tersebut untuk mendapatkan sumbangan. Dalam hal ini, pihak sekolah dapat melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan manfaat kepada murid-murid dan membantu melengkapkan prasarana sekolah. Sumbangan daripada badan korporat juga dapat digunakan untuk membantu murid-murid yang tidak berkemampuan membeli keperluan belajar seperti alat tulis dan buku-buku. Di samping itu, pihak PIBG juga dapat membantu dalam menjayakan sesuatu program yang dirancang oleh pihak sekolah. Program seperti seminar dan kem motivasi dapat memberi kesedaran dan semangat kepada pelajar untuk terus belajar dan berjaya.

Sesungguhnya, kejayaan PIBG itu terletak kepada sokongan padu daripada para ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa pada zaman sekarang seharusnya mengangkat keupayaan peranan PIBG ini tanpa *memandang remeh* akan hal ini. Ibu bapa harus sedar, PIBG telah memainkan peranannya dalam membantu pihak sekolah menangani masalah sosial murid-murid seperti penagihan dadah, masalah merokok dan pelbagai bentuk jenayah lain. Inisiatif di peringkat nasional perlu dilaksanakan untuk meletakkan satu penanda aras bagi mengukur pencapaian PIBG dalam membantu kemajuan sesebuah sekolah.

Dipetik dan diubahsuai daripada
“Komitmen Ibu Bapa dalam membantu PIBG”
oleh Almaswa Haji Che Ros
Utusan Malaysia, 22 November 2017

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memandang remeh*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan bahawa terdapat banyak manfaat daripada sumbangan yang diberikan oleh badan-badan korporat melalui peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Nyatakan manfaat-manfaat tersebut. [3 markah]
- (iii) Penyertaan ibu bapa dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) antara salah satu aktiviti sosial untuk mengeratkan hubungan mereka dengan pihak sekolah. Pada pendapat anda, apakah aktiviti-aktiviti lain yang harus dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan ibu bapa dengan guru? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Perasaanku begitu terganggu. Aku sudah bersedekah sebanyak empat kali sejak berada di Turki. Kepada seorang pengait benang yang kesejukan di Pigeon Valley, kepada seorang kanak-kanak bersama-sama dengan datuknya yang buta di Gunung Bolu, kepada seorang lelaki tua yang cacat anggota di masjid Ulu, dan kepada tabung Masjid Biru selepas menunaikan solat jamak. Aku juga tidak lupa akan bacaan Yasin dan al-Mathurat setiap subuh dan maghrib sebagai bekalan musafir. Mengapakah aku menerima layanan sedemikian rupa? Terbayang-bayang wajah pekedai jaket kulit yang pandai berpura-pura itu. Terngiang-ngiang kata-katanya yang amat menghiris rasa itu.

Dr. Liza, Hajah Normah dan Hajah Zalehon tidak menyedari kejadian yang berlaku. Mereka sedang asyik membelek-belek kasut dan beg tangan kulit di kedai sebelah. Kak Chah dan Shahmeem pula sedang menawar harga pewangi daripada seorang peniaga wanita. Aku mencuit bahu Kak Chah lalu mengisyaratkan jari ke arah sebuah kedai menjual seramik. Kak Chah mengangguk. Aku tidak ada niat pun untuk membeli seramik. Aku cuma ingin pergi sejauh mungkin dari depan kedai jaket kulit itu. Pekedai seramik mengalu-alukan kedatanganku. Aku cuma diam membatu.

Semasa di dalam bas pulang ke hotel, aku membaca puisi dalam buku *Mevlana Celaleddin Rumi and The Whirling Dervishes* yang sempat kubeli semasa melawat makamnya di Konya.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan **dua** orang penerima sedekah daripada “aku”. [2 markah]
- (ii) Ketika berada di tempat orang, kita perlulah pandai menyesuaikan diri supaya kita dapat diterima oleh masyarakat di situ.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk menyesuaikan diri ketika berada di tempat orang? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Maka sembahnya, "Daulat, Tuanku."

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?"

Maka kata Seri Nara Diraja, "Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu."

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka *menjadi muafakatl*ah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjadi muafakatl*ah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan Sultan selepas Seri Nara Diraja bersetuju memperisteri Tun Kudu. [3 markah]
- (iii) Pertelingkahan antara pembesar menyebabkan kerugian kepada negara. Pada pandangan anda, selain ikatan perkahwinan, apakah usaha-usaha yang boleh diambil untuk menyatukan kedua-dua pembesar tersebut ? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) - Puisi Tradisional

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

KUDUP PERANG

Tuah Sujana

Sementara dia bergelar panglima
laskar perang; yang terus-menerus
membajakan kezaliman-sering
mengudupkan putik dendam
kita masih perlu berterima kasih
kepada jari-jemari takdir
kerana membenarkan sepasang mata
untuk berlari dengan tangan bergari
sempat juga menadah sejambak puisi
untuk sehari lagi; sambil bertanya:
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus
ringkik kuda, gemerincing
pedang pusaka
dan darah yang tiba-tiba membuak
di daerah angkara- perciknya
menumbuhkan kelopak rahsia
dalam keliru, tertanya-tanya kita
tangan mana yang memenggal
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
tidak mahu
menyanjungnya pendekar paling gagah
kerana takhta setia terbina
di istana wangsa
bukanlah penjamin kukuhnya
pasak saksama
sesekali turut direntakan daki pendusta
melekatlah selumbar sengsara
di tiang maruah kota.

[Lihat halaman sebelah

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
menggelarnya sebagai pengkhianat
kerana kita masih menangi
peta keadilan yang tersiat-nun, karam
di lautan kesumat
sedang warga memanggilnya keramat.

Perang pun melecurkan lidah muslihat
bercabang lalu bertemu bayu palsu;
bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya
mewarnakan keindahan pada hodohnya
menjungkitkan amarah pada damainya
teramat lara kita menjahit semula
perca-perca bahagia- seperti perawan
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,
kita masih bertengkar
tentang siapa
pahlawan sebenarnya.

Istimewa, 2012
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- (i) Berdasarkan rangkap 3 dan 4 sajak tersebut, nyatakan **satu** sebab Tuah tidak boleh digelar sebagai pendekar dan **satu** sebab Jebat tidak boleh digelar sebagai pengkhianat. [2 markah]
- (ii) Pemimpin merupakan golongan yang sangat berkuasa dan berpengaruh dalam sesebuah negara. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin untuk memastikan keamanan negaranya. [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) gemuruh
- (ii) gemilang
- (iii) serabut
- (iv) seruling
- (v) telapak
- (vi) telunjuk

[6 markah]

(b) *Tulis ayat-ayat di bawah ini semula menjadi **tiga** ayat sahaja tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.*

- (i) Kini telefon bimbit berkamera mula mendapat perhatian pengguna.
- (ii) Telefon bimbit berkamera berupaya mengambil gambar secara pegun atau visual.
- (iii) Perkembangan telekomunikasi tanpa wayar bergerak sangat pantas.
- (iv) Perkembangan telekomunikasi tanpa wayar tidak terkejar oleh pengguna biasa.
- (v) Telefon bimbit dilengkapi dengan fungsi capaian Internet, berkamera dan boleh memuat turun muzik.
- (vi) Telefon bimbit moden turut bertindak sebagai PDA, iaitu umpama diari digital bergerak yang menjaga rutin anda setiap hari.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Banglow yang lama terbiar itu diroboh oleh ketua kampung dan penduduk.
- (ii) Makan secara buffet sudah lama diperkenalkan dan menjadi penggemar masyarakat kerana mudah dikendalikan.
- (iii) Orang ramai boleh membayar pelbagai bil melalui berkhidmat talian tele-perbankan yang disediakan oleh institusi kewangan di tempat masing-masing.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Tapak sirih yang dibawa oleh rombongan pengantin lelaki telah mereka serahkan kepada pihak pengantin perempuan.

(ii) Beliau menggesa pemaju-pemaju perumahan agar mempercepatkan kerja-kerja pembinaan rumah kos bawah yang masih terbengkalai.

(iii) Walaupun wajah mereka sepadan, namun perangai Azmi berbeza dari perangai abangnya.
[6 markah]

(e) Tulis **satu** ayat berdasarkan peribahasa di bawah.

(i) Kacang lupakan kulit.

(ii) Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

(iii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

(a) Dalam sesebuah novel terdapat banyak peristiwa yang dapat memberi teladan kepada pembaca. Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.
[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** persoalan keberanian bagi setiap novel tersebut.
[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT